



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEGAWAI TANAH KANAN (B.3)
JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Tanah.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. PEGAWAI TANAH KANAN
JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang seperti berikut atau bidang bersesuaian:

- Akademi Pengajian Brunei.
- *Business Administration.*
- *Computer & Information Technology.*
- *Computer Science.*
- *Computing.*
- *Geography.*
- *Land / Property / Real Estate Law.*
- *Land Administration and Development.*
- *Land Economics.*
- *Land Management.*
- *Land Surveying.*
- *LLB (Law).*
- *Property / Real Estate Management.*
- *Property Development / Management and Valuation.*
- *Property Development and Planning.*
- *Public Policy and Administration.*
- *Social Policy and Public Administration Management.*
- *System Analyst.*

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Telah berkhidmat di Jabatan Tanah sebagai Pegawai Tanah atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

3. Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Tanah dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai cawangan-cawangan Pejabat Tanah Daerah atau Bahagian-Bahagian dalam Pejabat Pesuruhjaya Tanah;
2. Membantu Pesuruhjaya Tanah, Timbalan Pesuruhjaya Tanah dan Penolong Pesuruhjaya Tanah dalam penyelarasan kerja-kerja pengurusan pejabat dan pentadbiran tanah bagi keseluruhan Jabatan Tanah; dan
3. Membantu Pesuruhjaya Tanah, Timbalan Pesuruhjaya Tanah dan Penolong Pesuruhjaya Tanah menyelaraskan dan melaksanakan dasar dan peraturan tanah dan penguatkuasaan Undang-Undang Tanah.